

07/01/2004

Najib dilantik TPM (HL)

KUALA LUMPUR: Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak akan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri hari ini, sekali gus menamatkan spekulasi selama beberapa minggu berhubung siapa menduduki jawatan nombor dua dalam kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dijangka mengumumkan secara rasmi pelantikan itu selepas mesyuarat mingguan Kabinet tengah hari ini, sehari sebelum beliau berlepas ke Jakarta untuk memulakan lawatannya ke negara Asean.

Abdullah memaklumkan kepada Najib mengenai pelantikan itu dalam satu pertemuan di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya semalam.

Najib, 50, akan mengisi kekosongan ditinggalkan Abdullah, yang dilantik sebagai Perdana Menteri berikutan persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lalu.

Pelantikan Najib secara tidak langsung mengesahkan kedudukannya sebagai pewaris kepemimpinan negara, mengikut jejak bapanya, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang menjadi timbalan perdana menteri selama 13 tahun sebelum mengambil alih jawatan nombor satu dalam kerajaan itu dari 1970 hingga 1976.

Dengan kedudukannya sebagai Naib Presiden Umno paling kanan, Najib menjadi pilihan utama untuk jawatan itu selepas Abdullah dinamakan sebagai pengganti Dr Mahathir hampir dua tahun lalu.

Sumber-sumber kerajaan berkata, sejak pelantikannya sebagai Perdana Menteri, Abdullah memberi keutamaan kepada pelaksanaan dasar-dasar penting negara sebelum melantik timbalannya.

"Isu yang diberi keutamaan oleh Abdullah termasuk membanteras rasuah dalam sektor kerajaan dan swasta, memastikan sistem penyampaian awam yang lebih baik, menggalakkan pertanian sebagai komponen penting dalam dasar ekonomi negara, memperkenalkan perubahan dalam pasukan polis dan pendidikan serta berbelanja secara berhemah, termasuk menanggungkan projek landasan kereta api berkembar.

"Kini, selepas meletakkan dasar itu pada landasan yang sepatutnya, Perdana Menteri berasakan masanya sudah tiba untuk melantik timbalannya bagi membantunya meneruskan dasar berkenaan serta memastikan pelaksanaannya berjalan lancar," kata sumber itu.

Menurut sumber itu, Perdana Menteri dijadualkan menghadap Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, hari ini.